



ANGGOTA bomba memadam kebakaran lima buah rumah di Jalan Bagan Pasir, Kuala Selangor pada Januari lalu.



KEBAKARAN cepat merebak bergantung kepada bahan bakar dan kelembapan udara selain kedudukan rumah yang rapat.

Bomba Selangor dedah RM676.6 juta kerugian dicatatkan dalam tempoh 26 bulan

Nilai kerugian boleh beli 600 banglo

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor mendedahkan kerugian akibat kebakaran di negeri ini dari tahun 2020 hingga Februari lalu mencecah RM676.6 juta.

Jumlah kerugian itu sekiranya dihitung secara kasar mampu membeli 600 buah rumah banglo sekiranya harga sebuah rumah RM1 juta.

Pengarahnya, Norazam Khamis berkata, berdasarkan rekod sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), jumlah kerugian sepanjang tahun 2020 dan tahun lalu sebanyak RM645.5 juta, manakala sehingga Februari tahun ini (RM31.1 juta).

Katanya, kebakaran kilang seperti perabot, pembuatan, memproses bahan kimia dan industri mencatatkan jumlah kerugian yang tinggi iaitu RM375.3 juta membabitkan 170 kes dalam tempoh sama.

“Namun, kes kebakaran paling tinggi melibatkan kediaman sama ada teres, flat, apartmen atau kondominium, setinggan



NORAZAM

dan rumah kampung dengan 839 kebakaran melibatkan kerugian RM64.4 juta.

“Antara puncanya seperti terlupa jerangan masakan mereka, paip gas dapur yang bocor selain sistem pendawaian yang uzur, bebanan penggunaan tenaga elektrik berlebihan sehingga menyebabkan litar pintas,” katanya kepada *Kosmo!* baru-baru ini.

Beliau memberitahu, pihaknya menerima panggilan kecemasan melibatkan kebakaran sebanyak 7,521 pada tahun 2020,

JUMLAH PANGGILAN KEBAKARAN DITERIMA BOMBA			
Tahun	Panggilan Kebakaran	Purata Sehari	Purata Seminggu
2022 (Jan-Feb)	1,090	18	136
2021	8,114	22	2,028
2020	7,521	21	1,880

2021 (8,114) dan Januari hingga Februari tahun ini (1,090).

Ujarnya, secara purata antara 18 hingga 22 panggilan kebakaran diterima setiap hari.

“Daerah paling tinggi berlaku kebakaran adalah Petaling dan Klang ekoran kepadatan penduduk selain dipenuhi kilang-kilang termasuk perindustrian.

“Kadar kebakaran cepat merebak adalah bergantung kepada bahan bakar dan kelembapan udara selain kedudukan rumah yang rapat,” ujarnya.

Justeru itu, katanya, orang ramai diingatkan sentiasa berwaspada dengan memastikan tahap keselamatan peralatan elektrik termasuk mencabut plak dan

tidak lalai ketika memasak terutama pada Ramadan dan Aidilfitri nanti.

Dalam perkembangan sama, Norazam memaklumkan seramai 35 individu maut bagi tempoh 2020 hingga Februari tahun ini dengan 30 daripadanya adalah lelaki dengan purata umur antara 12 hingga 60 tahun ke atas.

Jelas beliau, rata-rata mangsa ditemui di pintu dapur, bilik air dan laluan keluar sama ada pintu hadapan, belakang dan bilik. Bagaimanapun mereka gagal keluar dan terperangkap akibat asap dan pengsan sebelum maut.

Ketika ditanya mengapa bilik air sering menjadi pilihan mangsa berlindung apabila berlakunya

kebakaran, Norazam berkata, ini berkemungkinan mereka berasakan selamat kerana terdapat air di lokasi tersebut.

“Sepatutnya, apabila berlaku kebakaran langkah utama adalah bertenang dan mengingati laluan keluar serta sentiasa memastikan pintu dapur atau belakang tidak dihalangi dengan barangan yang menyukarkan proses menyelamatkan diri.

“Dalam keadaan asap yang tebal, kalau boleh merangkak dan menuju pintu keluar dan seharusnya duduk hampir dengan tingkap.

“Asap ini menjadi ‘musuh’ utama kerana boleh menyebabkan seseorang pengsan dan lemas sekiranya terhidu lebih seterusnya maut dalam kebakaran,” katanya.

Mengulas lanjut, beliau turut memaklumkan orang ramai juga boleh membuat latihan bersama ahli keluarga mereka dalam keadaan gelap.

“Ini supaya kita dapat mengingati laluan keluar dan lokasi kunci rumah kerana apabila berlaku kebakaran, serta-merta tiada bekalan elektrik,” ujarnya.